



PM dikurnia Darjah Kerabat Pahang

UM - 31/3/2007
PEKAN 30 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini dikurniakan Darjah Kerabat Sri Indera Mahkota Pahang Yang Amat Dihormati (DK) oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah.

Majlis pengurniaan darjah kebesaran sempena ulang tahun keputeraan baginda yang ke-76 itu berlangsung di Bilik Mengadap, Istana Sultan Abu Bakar di sini dalam satu upacara khas yang ringkas.

Turut hadir Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob serta kira-kira 200 tetamu dan jemputan khas lain.

Selepas majlis pengurniaan itu, baginda meraikan Perdana Menteri pada majlis santapan petang sebelum Abdullah berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

SULTAN Ahmad Shah (kanan) menyatakan sesuatu kepada Abdullah Ahmad Badawi sambil diperhatikan Tengku Abdullah (tengah) selepas majlis pengurniaan Darjah Kerabat Sri Indera Mahkota Pahang Yang Amat Dihormati kepada Perdana Menteri di Istana Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang, semalam.